



PETIKAN AKHBAR

Kerajaan telah mulakan rancangan pemerkasaan ekonomi selanjutnya – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 27 OGOS 2020



KUALA LUMPUR, 27 Ogos – Kerajaan sudah memulakan perancangan fasa selanjutnya bagi pemerkasaan ekonomi yang akan diperincikan dalam Belanjawan 2021, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz hari ini.

Malah, katanya, kerajaan juga yakin langkah-langkah yang dilaksanakan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemulihan.

Menurutnya, pasukan Kementerian Kewangan juga meneruskan siri Jelajah Belanjawan 2021 ke Johor pada 15-16 Ogos 2020 dan seterusnya Pahang pada 25 Ogos dalam usaha mendapatkan maklum balas mengenai inisiatif pakej pemulihan ekonomi PRHATIN dan PENJANA berkenaan.

“Pada masa sama, platform ini bertujuan mendapatkan pandangan dan syor bagi merangka Belanjawan 2021 menerusi beberapa sesi libat urus dengan wakil-wakil sektor seperti pendidikan, farmaseutikal, industri berasaskan agro serta usahawan wanita Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS),” kata beliau dalam laporan terbaharu Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA).

Selain itu, orang ramai dialu-alukan untuk memberi maklum balas bagi Belanjawan 2021 yang dijadual dibentangkan pada November ini.

Mereka boleh mengemukakan cadangan berkaitan di belanjawan2021.treasury.gov.my dan portal tersebut akan dibuka sehingga 15 Sept, 2020.

Bank Negara Malaysia telah membuat unjuran bahawa ekonomi negara akan berkembang -5.5 peratus hingga -3.5 peratus tahun ini dan dijangka mencatat pertumbuhan 5.5 peratus hingga 8 peratus pada 2021.

[Bernama](#)

[Siaran Media](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGGU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[PERMAI](#)

[BERITA HARIAN](#)